

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN WONG TACK**  
**KAWASAN : BENTONG**  
**TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB TUAN WONG TACK** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada pembinaan Lebuhraya Central Spine Road dapat dipercepatkan memandangkan rakyat sudah lama menderita akibat masalah kesesakan lalu lintas yang serius di daerah Bentong.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek *Central Spine Road* dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 351.3km telah pun dimulakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan dibahagikan kepada enam (6) pakej utama iaitu:

1. Pakej 1: Kuala Krai ke Jambatan Sungai Lakit, Kelantan (47km);
2. Pakej 2: Jambatan Sungai Lakit ke Gua Musang, Kelantan (59km);
3. Pakej 3: Gua Musang ke Kampung Relong, Kuala Lipis, Pahang (93.8km);
4. Pakej 4: Kampung Relong, Kuala Lipis ke Raub, Pahang (50km);
5. Pakej 5: Raub ke Bentong, Pahang (54km); dan
6. Pakej 6: Bentong ke Simpang Pelangai, Pahang (47.5km).

Projek ini dilaksanakan secara berperingkat dan pemilihan lokasi projek adalah berdasarkan aspek keselamatan dan kesesakan lalu lintas. Jajaran sepanjang 189.6km telah diluluskan untuk pelaksanaan iaitu 172.1km di Negeri Pahang (Pakej 3, 4 dan 5) dan 17.5km di Negeri Kelantan (Pakej 3).

Pada masa ini, jajaran sepanjang 55.35km dari Merapoh ke Kampung Seberang Jelai, Pahang (Pakej 3) dan 5.78km dari Kampung Asap ke Kampung Sertik (Pakej 5) telah pun siap pembinaan. Jajaran dalam pembinaan pula adalah sepanjang 54.92km termasuk di kawasan Bentong iaitu:

1. Pakej 3 (Seksyen 3D dan 3E1) dari Bulatan Gua Musang, Kelantan ke Merapoh, Pahang (16.3km)

2. Pakej 5 (Seksyen 5B) Kampung Orang Asli Sungai Chandan ke Kampung Asap, Pahang (16km)

3. Pakej 5 (Seksyen 5C2 & 5D) dari Kampung Asap ke Kampung Sertik dan Bentong Bypass, Pahang (22.62km)

Jajaran dari Kampung Asap ke Kampung Sertik serta Bentong Bypass sepanjang 22.62km dijadualkan siap pada Oktober 2019. Laluan ini merupakan laluan alternatif kepada pengguna yang ingin menuju ke arah Raub, Pahang dan dijangka dapat mengurangkan kesesakan di bandar Bentong sedia ada apabila siap sepenuhnya kelak.

Sekian, terima kasih.